

SOALAN NO: 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN]**

SOALAN :

YB Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berdasarkan 893,751 jumlah pemohon PR1MA sehingga Januari 2015, berapakah jumlah permohonan yang telah berjaya dan bagi permohonan yang tidak berjaya, adakah ianya akan kekal dalam sistem atau perlu mengemas kini permohonan setiap kali tarikh permohonan baru dibuka.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berdasarkan rekod Sistem Pendaftaran Nasional PR1MA, sehingga hari ini jumlah pemohon bagi rumah PR1MA telah meningkat kepada 962,581 orang. Terdapat 2 projek PR1MA yang telah selesai menjalankan proses undian terbuka iaitu projek perintis di Presint 11 Putrajaya dan projek PR1MA di Nusajaya Johor.

Seramai 560 orang pemohon telah berjaya mendapat rumah PR1MA bagi projek perintisnya di Presint 11 Putrajaya yang dibangunkan oleh Putrajaya Holdings. Pemohon yang berjaya juga telah diserah kunci secara rasmi oleh YAB Perdana Menteri pada 7 Mac 2015 yang lalu. Manakala seramai 201 orang pemohon telah berjaya diundi melalui majlis undian terbuka di Nusajaya, Johor.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat selanjutnya, permohonan rumah PR1MA adalah sentiasa terbuka mengikut projek-projek yang telah dilancarkan dari semasa ke semasa. Pemohon akan dimaklumkan melalui media massa dan media elektronik seperti e-mel dan laman web PR1MA untuk mengemaskini permohonan masing-masing yang menyatakan secara jelas lokasi dan tarikh tutup permohonan bagi setiap projek. Pemohon rumah PR1MA hanya perlu mendaftar sekali dan seterusnya membuat permohonan bagi setiap projek yang telah dibuka untuk proses undian terbuka. Oleh yang demikian PR1MA amat menggalakkan pemohon-pemohnnya

sentiasa mengemaskini permohonan mereka dari semasa ke semasa melalui laman web www.pr1ma.my.

Data pemohon yang layak namun tidak berjaya semasa proses undian terbuka sesuatu projek PR1MA akan kekal berada dalam sistem dan pemohon masih boleh memohon projek-projek PR1MA di lokasi yang lain.

Sekian. Terima kasih.